

28 MAR 1999

Sabah-giliran (Analisis berita)

SISTEM PENGGILIRAN -- HENDAK DITERUSKAN ATAU TIDAK?

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Janji tetap janji, kata mesti dikota.

Secara umum, itulah sebabnya kenapa Sabah mempunyai ketua menteri baru setiap dua tahun sejak lima tahun lepas.

Disifatkan oleh bekas ketua menteri Datuk Yong Teck Lee sebagai "ibu segala janji", sistem penggiliran jawatan ketua menteri negeri itu sekali lagi menarik perhatian bukan saja di Sabah tetapi juga di negeri-negeri lain ekoran pilihan raya di negeri itu pada 12 dan 13 Mac lepas.

Dalam tempoh berkempen, isu penggiliran itu menjadi antara modal utama parti Parti Bersatu Sabah dan Bersekutu, yang masing-masing berjanji akan menghapuskannya jika mereka berkuasa.

Malahan ada di kalangan anggota Umno Sabah sendiri berpendapat sistem itu akan dihentikan selepas berakhir pusingan pertama dengan tamatnya tempoh perkhidmatan Tan Sri Bernard Dompok.

"Ini kerana Barisan Nasional telah berjaya melaksanakan janjinya berhubung penggiliran itu yang dibuat menjelang pilihan raya 1994," kata seorang pemimpin Barisan Nasional negeri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat janji itu semasa kempen pilihan raya 1994 sebagai jalan terbaik untuk membolehkan tiga masyarakat terbesar di Sabah berkongsi kuasa.

Harapan beberapa ahli politik Sabah agar sistem itu dihentikan tidak kesampaian kerana Dr Mahathir berkata sistem itu akan diteruskan.

Dompok, sebagai wakil masyarakat Kadazandusun, sepatutnya meneruskan khidmat sebagai ketua menteri untuk tempoh setahun lagi tetapi beliau tewas pada pilihan raya lepas.

Oleh kerana begitu ramai calon BN daripada kalangan pemimpin Kadazandusun turut kalah, masyarakat itu terpaksa akur bahawa giliran mereka telah berakhir. Ini membuka jalan kepada ketua Umno Sabah Datuk Osu Sukam mengambil alih jawatan ketua menteri, yang menandakan juga bermulanya pusingan kedua penggiliran itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Osu akan menjadi ketua menteri untuk tempoh dua tahun sebelum seorang pemimpin Kadazandusun mengambil alih untuk menyambung tempoh Dompok.

Di Alor Setar Isnin lepas, Dr Mahathir nampaknya mengendurkan sedikit pendiriannya mengenai isu itu dengan berkata terpulang kepada rakyat Sabah untuk membuat keputusan.

"Jika majoriti tidak mahukannya, saya terima keputusan mereka," katanya.

Seperti semua sistem, yang ini juga mempunyai baik buruknya. Kebaikannya telah diterangkan dengan jelasnya oleh Dr Mahathir sendiri.

Semasa berkempen di Sabah pada pilihan raya lepas, beliau berkata ada beberapa ketua menteri yang lepas hanya berminat mengumpul harta menerusi hasil hutan yang banyak di negeri itu.

Pada 1994, Dr Mahathir jugalah yang mendedahkan bahawa sekitar RM4 bilion tidak dapat dikesan dalam akaun Yayasan Sabah. Yayasan itu, yang memiliki banyak kawasan hutan, secara tidak langsung merupakan sumber utama kewangan kerajaan negeri.

Apabila ditanya baru-baru ini mengenai wang itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Saya tidak menyiasat."

Dalam perkataan lain, ada di kalangan ketua menteri yang lepas ini telah menjadikan diri mereka begitu berpengaruh sehingga mereka hampir bebas daripada pengawasan kerajaan pusat.

Satu daripada kebaikan sistem penggiliran ini sejak lima tahun lepas ialah ketua menteri tidak lagi kelihatan begitu kuat dan bebas seperti dahulu.

Dompok memberitahu pemberita di Kota Kinabalu semasa kempen pilihan baru-baru ini bahawa kuasa ketua menteri telah dikurangkan sejak beberapa tahun lepas hasil pindaan kepada perlembagaan negeri.

Ini khususnya berhubung kuasa memberi kelulusan konsesi balak dan tanah yang kini dipikul oleh kabinet negeri.

Kuasa yang dimiliki ketua menteri sebelum ini begitu luas kerana dia boleh meluluskan beribu-ribu hektar kawasan balak mengikut sesuka hatinya.

"Lebih baik dan selamat jika seluruh kabinet bertanggungjawab mengenainya," kata Dompok.

Buruknya sistem ini, mengikut seorang bekas ketua menteri ialah : "Selepas setahun, kita tidak lagi dihormati kerana orang hanya mahu melayan ketua menteri baru."

Seorang ahli perniagaan di Kota Kinabalu berpendapat perubahan penyandang jawatan terlalu kerap mungkin memberi kesan kepada keyakinan bakal pelabur.

"Pelabur dalam dan luar negara mahukan kesinambungan dan jaminan mengenai kestabilan. Walaupun bakal ketua menteri itu mungkin daripada parti yang sama, dan dalam kes ini dari BN, ini tidak menjamin dia tidak akan menukar dasar," katanya.

Dalam pilihan raya kali ini, Umno menguasai 24 daripada 31 kerusi yang dimenangi oleh BN. Daripada tujuh bakinya, tiga diwakili oleh Parti Maju Sabah dan masing-masing dua oleh Parti Demokratik Sabah dan Parti Liberal Demokratik.

Senario baru dalam susunan penguasaan politik di Sabah menjadikan sistem ini lebih sukar memandangkan jawatan ketua menteri itu akan disandang pula oleh wakil sebuah parti yang mempunyai perwakilan yang amat kecil di Dewan Undangan Negeri.

Jika sebahagian daripada demokrasi ialah untuk mendapatkan kuasa, mandat besar yang diberikan oleh rakyat Sabah kepada Umno menunjukkan mereka dengan jelasnya mahukan parti itu sebagai tunjang BN menerajui kerajaan negeri.

Mungkin rakyat Sabah boleh menggunakan alasan sebegini untuk melahirkan pendapat sama ada sistem penggiliran itu harus diteruskan atau dihentikan.

-- BERNAMA

AU MAI